

# RM10,500 untuk direbut pada Pertandingan Karya Pilihan UMS

DE 9.8.2019 1

KOTA KINABALU: Galeri Azman Hashim Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan Pertandingan Karya Pilihan yang menawarkan hadiah bernilai RM10,500.

Penyelaras, Dr. Humin Jusilin berkata, tema pertandingan adalah bebas namun karya tersebut harus berkaitan dengan Borneo, terutama Negeri Sabah.

"Ia bagi memberi peluang kepada pengkarya untuk meneroka dengan lebih mendalam keunikan pelbagai aspek sosiobudaya yang terdapat di Borneo, terutama berkaitan dengan kehidupan masyarakat dan alam sekitarnya.

"Kami mengharapkan melalui penyertaan daripada para pengkarya dalam pelbagai bidang seperti pelukis dan pembuat arca, ia akan dapat menghasilkan sebuah karya yang unik dan berbeza seterusnya dapat menarik masyarakat untuk menikmati dan menghargai karya tersebut," katanya dalam satu kenyataan.

Dr. Humin berkata pemenang akan menerima wang tunai RM4,000, manakala tempat kedua RM2,000 dan tempat ketiga RM1,000.

Penganjur juga menyediakan hadiah sagu hati untuk 10 pemenang bernilai RM350 setiap satu selain sijil penyertaan kepada semua peserta, katanya.

"Setiap karya terpilih juga akan dipamerkan melalui program

khas sempena perasmian galeri itu yang dijangka akan berlangsung pada pertengahan 2020," jelasnya.

Dr. Humin yang juga pensyarah Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS berkata, galeri tersebut merupakan sebuah lagi ruang yang memberi peluang kepada para pengkarya dan penggiat seni terutama di Sabah untuk mempamerkan hasil-hasil karya mereka kepada masyarakat.

"Bangunan galeri tersebut juga akan menjadi sebuah mercu tanda baru Sabah yang berkonsepkan edu-tourism bagi menarik pelancong untuk menghargai keunikan sosiobudaya masyarakat Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik melalui pelbagai aktiviti seperti pameran karya seni dan persembahan kebudayaan.

"Bangunan galeri itu yang berbentuk bulatan sangat unik kerana reka bentuknya seperti gong yang merupakan alat muzik penting di Sabah," tambahnya.

Mereka yang berminat dan mempunyai bakat dalam seni halus dan teknologi seni dipelawa untuk menyertai dan menghantar karya ke UMS.

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi Dr. Humin (019-8626696), Faez Huzaini (014-9559787) dan Noor Fazlilawaty Ghulamidinn (011-59764576) atau layari Facebook Galeri Azman Hashim UMS.